



الجامعة
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

AMANAT NAIB CANSELOR 2023

Kebolehpasaran
Global

**AMANAT
NAIB
CANSELOR
2023**



Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita semua diberikan kesihatan tubuh badan dan kekuatan akal, ruang dan kesempatan untuk sama-sama berhimpun pada petang ini sama ada secara fizikal atau secara dalam talian bagi menghayati hala tuju Universiti bagi tahun 2023.

Pada kesempatan ini, saya mengucapkan **Selamat Tahun Baharu 2023** kepada semua warga UiTM walau di mana jua kita berada.

Sama-sama kita berdoa agar tahun ini akan menjadi tahun yang lebih baik, Insya-Allah.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Tahun 2022 telah membawa seribu satu kenangan manis kepada UiTM. Kita telah berjaya meraih pelbagai pencapaian di pelbagai peringkat, dalam pelbagai

bidang melibatkan akademik mahupun bukan akademik, sama ada di dalam negara ataupun di luar negara.

Saya ucapkan ribuan terima kasih atas sumbangan semua warga dalam mengusahakan kejayaan tersebut. Tahniah kepada yang mencipta nama sepanjang tahun 2022.

Marilah kita berikan tepukan yang gemuruh atas kejayaan yang telah dibuktikan oleh seluruh warga dan Pusat Tanggung Jawab yang terlibat.

Sebelum saya meneruskan amanat saya pada hari ini, saya ingin mengajak semua untuk menyaksikan video rangkuman pencapaian kita sepanjang tahun 2022.



Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Inisiatif bagi mencapai Kompetensi Global Universiti pada tahun 2022 telah kita laksanakan bersama.

Alhamdulillah, usaha ini adalah hasil berkat dan semangat berpasukan bagi memacu UiTM menjadi lebih progresif dan konstruktif dalam mengubah minda serta menghasilkan budaya kerja tangkas yang membolehkan kita berdaya saing di persada global.

Segala kejayaan tersebut adalah bukti kesungguhan dan komitmen warga UiTM dalam meningkatkan keserjanaan dan kecemerlangan Universiti melalui ekosistem pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan hubungan industri & komuniti yang berkualiti.

Aspirasi ini telah membuahkan hasilnya apabila kita kini telah mula dikenali dan diiktiraf di peringkat antarabangsa dan sedang bergerak menuju ke arah visi dalam menjadikan UiTM sebagai sebuah

Universiti Terkemuka Dunia dalam masa 2 tahun sahaja lagi (GRU2025).

Mulai tahun ini, setiap pencapaian aktiviti pengantarabangsaan akan dipantau keberkesanannya melalui sistem pengukuran impak yang dikenali sebagai UiTM International Scorecard.

Ini merupakan inisiatif oleh salah satu *Vice-Chancellor's Office Special Project* (VCOSP) untuk mengukur pencapaian dan keberkesanan aktiviti di peringkat antarabangsa bagi mana-mana PTJ.

Setiap pencapaian yang direkod dan dipaparkan secara terus di 'dashboard' yang akan melaporkan pulangan yang dicapai secara serta merta, dalam jangka masa pendek bagi 6 bulan pertama, dan jangka masa panjang sehingga tahun 2025

Pada tahun 2022, kita telah berjaya membina hubungan antarabangsa dengan 25 buah negara yang melibatkan 57 projek pengantarabangsaan.

Syabas diucapkan buat semua warga UiTM yang menjadi pemacu utama Universiti untuk bergerak ke hadapan agar terus dirujuk, dihormati dan dirahmati.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Setiap kejayaan yang dicapai oleh universiti ini tidak akan berlaku tanpa keyakinan dari warganya iaitu para pelajar, barisan staf akademik, pentadbiran dan pelaksana.

Bahkan, keyakinan ibu bapa penjaga jugalah yang menjadikan UiTM sebagai pilihan utama institusi pendidikan tinggi buat anak-anak mereka melanjutkan pengajian.

Sehingga kini, enrolmen pelajar UiTM adalah seramai 187,994 orang iaitu 94% daripada sasaran. Ia bertujuan untuk membuka ruang dan peluang dan aksesibiliti yang lebih besar kepada bumiputera.